

# Pelantikan Jamaludin hak preogatif PM

— Najib

25 NOV 2007

KUALA LUMPUR 24 Nov. — Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pelantikan Datuk Dr. Jamaludin Jarjis sebagai Menteri Kewangan Kedua adalah hak prerogatif Perdana Menteri yang tidak boleh dikaitkan dengan diri beliau.

Menurutnya, beliau sendiri tidak dapat membuat ulasan lebih mendalam jika ada pihak yang melihat pelantikan Jamaludin sebagai langkah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu mengukuhkan kedudukan beliau (Najib).

Najib dan Jamaludin merupakan wakil rakyat dari Pahang iaitu masing-masing Ahli Parlimen Pekan dan Rompin.

“Itu (pelantikan Jamaludin) adalah hak prerogatif Perdana Menteri, jadi, kena tanya Perdana Menteri berkenaan perkara ini.

“Saya tidak berani komen,” kata Menteri Pertahanan itu kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

## Mengulas

Beliau mengulas persoalan yang ditimbulkan oleh Bisik-Bisik Mingguan Awang Sulung dalam *Mingguan Malaysia* hari ini sama ada Perdana Menteri mahu menyampaikan mesej tertentu dalam pelantikan Jamaludin sebagai Menteri Kewangan Kedua baru-baru ini.

Menurut Awang Sulung, di kalangan UMNO, Jamaludin dilihat sebagai sekutu Najib, Naib Presiden yang dilihat sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri.

Justeru, ada yang melihat pelantikan Jamaludin sebagai langkah Perdana Menteri untuk mengukuhkan kedudukan Najib.

Dr. Mahathir sebelum ini telah secara terbuka menyatakan Najib orang paling layak menjadi Timbalan Perdana Menteri apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pucuk pimpinan negara Oktober tahun depan.